



Anugerah Pelajaran Diraja hadiah hari jadi istimewa Mohamad Arif

Mohamad Arif Muahzim, bersyukur dan tidak menyangka bakal menerima hadiah hari jadi yang paling istimewa dalam hidupnya sempena Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila dinobatkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Graduan Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian, Fakulti Teknologi Kejuruteraan itu menyambut hari jadinya yang ke-24 sehari lebih awal dari Majlis Konvokesyen UMP yang berlangsung pada 17 dan 18 Oktober 2015 lalu.

Anak kelahiran Johor Bahru itu juga menyifatkan anugerah itu dan ijazah sebagai hadiah pemberian beliau kepada ibu bapanya yang selama ini merupakan pendorong kuat kejayaannya.

“Ayah tiri saya, Majuri Asmion, 49, berkerja sebagai peniaga makanan secara kecil-kecilan manakala ibu, Asmih Mohd Jai, 51, pula seorang suri rumah tangga. Alhamdulillah, berkat usaha yang berterusan diiringi doa kedua ibu bapa, saya berjaya menamatkan pengajian saya sehingga mengenggam segulung ijazah.

“Dalam kita meniti kejayaan, kita seharusnya menjaga hubungan kita dengan Allah S.W.T., ibu bapa, guru, rakan-rakan dan orang sekeliling kita di samping perlu sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T. dalam apa jua keadaan sekalipun.

“Selama empat tahun pengajian saya di UMP, saya juga turut terlibat dengan aktiviti kokurikulum seperti tamat tauliah SISPA sebagai Pegawai Leftenan Muda Pertahanan Awam Malaysia, Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi (yang kini dikenali sebagai Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Pengarah Program peringkat kebangsaan ‘*Developing and Sustaining Safety Culture in Malaysia 2*’ dan sebagainya.

Selain itu, beliau juga merupakan peserta bagi program mobiliti pelajar ke Medan, Thailand dan juga Vietnam.

Anak sulung dari tiga adik-beradik ini, kini berkerja sebagai Penyelia Keselamatan Tapak Bina di Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB).

Mohamad Arif merupakan antara 2,553 graduan dalam pelbagai peringkat pengajian iaitu diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, ijazah kedoktoran dan diploma eksekutif yang diraikan dalam majlis itu.